

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 11

### G.R.E.A.T perlu jadi pedoman perkasa perkhidmatan awam

## G.R.E.A.T perlu jadi pedoman perkasa perkhidmatan awam

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed  
[bhrencana@ph.com.my](mailto:bhrencana@ph.com.my)



Timbalan  
Pengarah Pusat  
Kokurikulum dan  
Pembangunan  
Pelajar, Universiti  
Putra Malaysia

ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali baru-baru ini menampilkkan konsep 'The G.R.E.A.T Civil Service' ketika menyampaikan amanat KSN 2023 baru-baru ini.

Akrionim G.R.E.A.T membawa maksud 'good governance' (tadbir urus baik), 'responsible' (bertanggungjawab), 'empathy' (ihisan), 'accountable' (kebertanggungjawaban) dan 'tenacity of purpose' (fokus pada matlamat).

Sebagai tulang belakang kepada pentadbiran kerajaan, penjawat awam mempunyai tanggungjawab besar dalam memastikan dasar serta inisiatif diperkenalkan kerajaan untuk menjaga kebijakan dan kesejahteraan rakyat serta pemuliharan ekonomi negara dapat direalisasikan mengikut perancangan.

Ketika ini, penjawat awam perlu menjadi tonggak utama bagi menjayakan visi dan kerangka besar dasar Kerajaan Perpaduan iaitu membentuk dan membangun masyarakat serta negara MADANI.

Dalam konteks ini sudah tentu amalan tadbir urus baik dan mampam dari peringkat atas hingga ke bawah boleh membersihkan saki-baki amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam perkhidmatan awam.

Walaupun majoriti penjawat awam bekerja dengan penuh amanah dan dedikasi, tindak-tanduk segerelintir mereka mengambil kesempatan menggunakan kuasa serta kedudukan diberikan tetap mencemarkan nama baik serta imej perkhid-

matan awam.

Justeru, seluruh ekosistem perkhidmatan awam perlu bekerja dan bertindak berpaksikan budaya dan amalan tadbir yang terbaik dengan tekad membersihkan perkhidmatan awam daripada rasuah.

#### Telus dalam amalan pentadbiran

Tadbir urus baik akan terhasil apabila setiap pemimpin organisasi memperagakan amalan kepemimpinan bertanggungjawab. Dalam hal ini, kayu pengukurnya ialah sejauh mana setiap pemimpin agensi kerajaan boleh bertindak secara telus dan adil selain mengambil tindakan segera bagi menangani setiap permasalahan yang wujud.

Misalnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini menggambarkan jika pelangan perlu berbaris panjang dan menunggu lama untuk mendapatkan sesuatu perkhidmatan di agen-

si kerajaan, ia perlu diperbaiki dengan segera.

Maka, setiap pemimpin agensi kerajaan perlu bertanggungjawab memastikan rakyat mendapat perkhidmatan dengan segera, cekap dan berkesan tanpa kompromi dalam soal kualiti dan salah laku.

Sementara itu, ihsan adalah sifat wajar dihayati dan diamalkan setiap penjawat awam iaitu dengan cuba meletakkan diri sendiri di tempat pelanggan atau penerima perkhidmatan.

Hari ini, penjawat awam perlu memiliki nilai prihatin dan sensitif dengan keperluan rakyat serta sentiasa berfikir dan bertindak secara kreatif bagaimana boleh memberikan perkhidmatan terbaik kepada pemegang taruh masing-masing.

Keber tanggungjawaban pula adalah sifat selari dengan keperluan melaksanakan amanah diletakkan di bahu setiap penjawat awam yang mana mana aktaabiliti diizinkan itu akan menjadi ukuran dan cermin keperibadian serta mutu perkhidmatan diberikan.

Secara prinsipnya rakyat meletakkan harapan tinggi kepada perkhidmatan awam, justeru penjawat awam perlu memikul keber tanggungjawaban ini dengan penuh dedikasi dan komitmen tinggi.

Selain itu, setiap masa penjawat awam juga perlu fokus kepada matlamat utama ditetapkan dan disandarkan kerajaan dan rakyat. Ketika ini matlamat utama ialah memacu kesejahteraan rakyat dan memulihkan ekonomi negara, sekali gus menyumbang kepada pembentukan negara MADANI.

Apapun yang penting, penjawat awam perlu menjadikan G.R.E.A.T sebagai wadah dan formula memastikan kedudukan perkhidmatan awam terutama melalui pemerkasaan aspek tadbir urus di semua peringkat.

“ Tadbir urus baik akan terhasil apabila setiap pemimpin organisasi memperagakan amalan kepemimpinan bertanggungjawab ”